

22/05/1999

Usah sokong kumpulan kecewa: Dr Mahathir

KOTA TINGGI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat supaya jangan menyokong kumpulan yang kecewa dalam politik tempatan, demi mempertahankan kemakmuran dan masa depan negara.

Perdana Menteri menyifatkan kumpulan berkenaan hanya cekap menjalankan demonstrasi di jalanan dan membakar tong sampah serta bendera, sedangkan tidak berkeupayaan mentadbir sebuah kerajaan.

Beliau sebaliknya menyarankan rakyat supaya mengekalkan keamanan dan berusaha mencapai kemajuan dengan memilih kerajaan yang sudah berpengalaman memerintah negara selama 44 tahun sejak merdeka.

"Kita tidak boleh serah negara kita kepada kumpulan yang kecewa ... orang yang merusuh di jalan dan membakar tong sampah.

"Meraka bakar tong sampah, bakar bendera BN (Barisan Nasional). Nak bakar, bakarlah bendera ... bukan apa, bendera saja.

"Tetapi kita tidak boleh benarkan orang seperti ini mendapat tempat dalam negara kita," katanya berucap dalam majlis pemimpin bersama rakyat di Felda Pengeli Timur di sini, petang ini.

Orang ramai terutama peneroka Felda di situ dan wakil peneroka dari seluruh tanah rancangan di Johor, tidak berganjak mendengar amanat Perdana Menteri sekalipun hujan renyai sepanjang majlis berkenaan.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Dalam ucapannya yang disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM), Perdana Menteri jelas merujuk kepada kumpulan reformasi serta parti pembangkang yang sedang bergerak mempengaruhi rakyat menjelang pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir percaya kumpulan berkenaan akan datang merayu undi tetapi beliau menasihatkan rakyat supaya tidak memberikan satu undi sekalipun kerana ia akan hanya membawa kerugian kepada negara.

Perdana Menteri berkata, kumpulan yang kecewa itu tidak berhak menjadi kerajaan kerana mereka hanya cekap merusuh, memaki-hamun dan mencarut.

Beliau kemudian menegaskan kepada kumpulan itu supaya jangan cuba menubuhkan parti dengan kononnya mahu menjadi pemerintah di negara ini.

"Kalau mereka kecewa, mereka boleh cari jalan lain untuk membuktikan kekecewaan mereka. Orang semacam ini sepatutnya mulut mereka dibasuh dengan sabun dan ditonyoh dengan cili," katanya.

Beliau berkata demikian kerana gelagat kumpulan berkenaan seolah-olah hilang akal apabila sampai ke tahap memaki-hamun, mencerca dan memfitnah menerusi Internet, sekali gus menunjukkan mereka kehabisan idea.

"Kita tidak akan tukar nasib kita dengan memberi mereka peluang untuk menjadi pemerintah, bahkan untuk menjadi wakil rakyat pun tak boleh diberi.

"Kerana kita lihat apabila mereka memerintah, mereka tidak dapat memerintah dengan sempurna," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak rakyat berfikir dan bertekad mahukan negara terus aman dengan diperintah sebuah kerajaan yang mempunyai pengalaman sejak merdeka.

"Selama 44 tahun Perikatan dan BN memerintah negara kita ini, kita lihat banyak perubahan luar biasa yang membawa kemakmuran dan kemajuan," katanya.

Di majlis itu, beliau turut menyampaikan surat hak milik tanah kepada peneroka dari beberapa tanah rancangan di seluruh Johor.

( END )